

## JENAYAH

# Cadangan pemberi suapan terima hukuman berat wajar

**B**aru-baru ini kerajaan telah mengumumkan untuk meminda undang-undang berkaitan rasuah dengan mengenakan hukuman lebih berat bukan sahaja kepada penerima rasuah, malah kepada mereka yang terbabit memberi rasuah.

Cadangan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ketika perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM), awal minggu itu telah mendapat reaksi positif daripada pelbagai pihak. Beliau juga berkata, langkah yang ingin diambil itu dilihat lebih baik yang mana jika sasaran selama ini banyak bertumpu kepada penerima rasuah, sewajarnya yang memberi rasuah juga perlu dikenakan tindakan yang sama berat sebab rasuah ialah penyakit yang boleh merosakkan negara.

Walaupun pencapaian Malaysia dalam ranking Indeks Persepsi Rasuah yang baru dikeluarkan baru-baru ini, menunjukkan negara kita berada pada kedudukan lebih baik iaitu di tempat ke-50 daripada 175 negara berbanding tempat ke-53 tahun lalu. Namun, soal rasuah dan salah guna kuasa tetap dan perlu menjadi perhatian semua pihak.

## Rasuah dianggap kanser

Pada zaman moden ini, tiada negara yang terkecuali daripada masalah rasuah. Masalah rasuah ini juga boleh dianggap sebagai

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

**bhforum@bh.com.my**

'penyakit kanser' serius.

Banyak isu hangat yang diperkatakan melalui media massa pada masa kini banyak memberi fokus kepada masalah pokok yang membabitkan rasuah. Misalnya, kejadian banjir dan tanah runtuh yang berlaku di Cameron Highlands, pada bulan lalu dikatakan banyak berpunca daripada masalah rasuah.

Laporan yang baru dikeluarkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai pendatang asing tanpa izin di Sabah baru-baru ini, isu judi haram dan banyak lagi salah laku dan jenayah yang berlaku dalam negara kita juga dikatakan berpunca daripada amalan salah guna kuasa serta rasuah.

Persoalannya kenapakah perkara ini dilihat semakin hari semakin



Hukuman lebih berat bukan sahaja kepada penerima rasuah, **malah kepada mereka yang terbabit memberi rasuah.**

[GAMBAR HIASAN]

serius? Pelbagai faktor penyebab telah diberikan oleh pelbagai pihak mengenai isu rasuah ini. Antara faktor penyebab paling utama yang sering diperkatakan ialah kerana masalah kenaikan kos sara hidup individu serta pendapatan atau gaji yang diterima tidak setimpal dengan keadaan persekitaran ekonomi semasa yang semakin mencabar terutama bagi mereka yang tinggal di kawasan bandar yang rata-rata memerlukan sumber kewangan yang tinggi untuk hidup.

Masalah yang berlaku ini telah menyebabkan sesetengah pihak terpaksa mengambil jalan mudah dengan melakukan amalan rasuah.

## Lemah sahsiah peribadi

Kebanyakan punca rasuah ini juga dikatakan berlaku disebabkan oleh faktor yang terdapat pada diri individu itu sendiri. Kelemahan sahsiah peribadi adalah satu masalah yang sukar untuk ditangani sehingga menyebabkan diri mereka terbabit dalam kancang amalan rasuah.

Sebelum terlambat, adalah wajar

pelbagai pihak dalam negara kita berganding bahu bagi membendung masalah rasuah ini sebelum ia menjadi semakin parah serta sukar dikawal.

Pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri baru-baru ini untuk memberi hukuman yang lebih berat kepada pemberi rasuah perlu disambut baik oleh semua pihak dan perlu dilihat sebagai keseriusan kerajaan untuk membasmi masalah rasuah.

Hukuman yang berat perlu diberi kepada pesalah rasuah sama ada penerima ataupun pemberi rasuah agar dapat menjadi pengajaran kepada masyarakat umum untuk tidak terjebak dalam rasuah ini.

Selain aspek pemantapan undang-undang, pendedahan awal tentang kesalahan serta kesan negatif amalan rasuah juga perlu disemai dalam kalangan pelajar. Generasi muda yang dididik agar membenci gejala rasuah ini akan lebih bersikap telus, jujur dan amanah semasa menjalankan tugas mereka apabila dewasa kelak.

Pendedahan awal tentang gejala rasuah ini boleh diterapkan dalam sukatan pelajaran di sekolah dalam mata pelajaran seperti Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, atau subjek lain yang difikirkan sesuai.

Bagi mengatasi masalah kos sara hidup yang semakin meningkat kebelakangan ini yang juga dikatakan menjadi faktor utama yang sering diperkatakan oleh ramai pihak sebagai punca berlakunya rasuah ini, kerajaan perlu menimbangkan dengan sewajarnya mengenai kenaikan gaji pekerja di Malaysia. Perkara sama juga perlu difikirkan oleh majikan di sektor swasta.

Penetapan gaji minimum yang telah dikuatkuasakan juga harus dilihat kembali kerana perubahan suasana ekonomi yang sudah berubah semenjak dasar terbabit dilaksanakan.

## Dr Muzaffar Syah Mallow,

Pensyarah Kanan,  
Fakulti Syariah & Undang-Undang USIM